

Amaran jangan cuba ganggu pilihan raya MPP

SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba menimbulkan konflik sehingga mengganggu perjalanan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) esok.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof. Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata, pihaknya tidak mahu mengambil sebarang risiko seperti yang berlaku di sebuah institusi pengajian tinggi baru-baru ini dengan meningkatkan tahap ke-

selamatan di sekitar kampus.

"Kita memang tidak mahu mengambil sebarang risiko dan akan memantau perkara ini sebaiknya, malah pada hari mengambil borang pencalonan juga kita telah memastikan kawalan keselamatan berada pada tahap yang tinggi.

"Sekarang merupakan masa paling genting bagi mereka



PILIHAN RAYA
KAMPUS
2013/2014



SHATAR

selamatan sentiasa berjaga-jaga," katanya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Proses pilihan raya kampus UPM 2013 bermula sejak 4 November lalu dengan penyiaran notis pemilihan MPP yang me-

yang mana unsur-unsur luar yang tidak diundang sentiasa bersedia untuk melakukan apa sahaja kemungkinan dan sebab itu pihak kesela-

nyaksikan perebutan 45 kerusi meliputi 11 kerusi umum dan 34 kerusi fakulti.

Hari pembuangan undi akan diadakan di lima lokasi di kampus utama, manakala satu lagi di cawangan Bintulu, Sarawak.

Mengulas lanjut, Mohammad Shatar yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP 2013 berkata, pihaknya juga sentiasa memantau laman sosial pelajar untuk berkempen bagi memastikan tiada perkara berunsur negatif ditimbulkan.